

JAGALAH BINATANG KESAYANGAN PANDA

HARUSKAH SAYA MENDAPATKAN BINATANG KESAYANGAN ?

Adakah anda sayang pada binatang dan bolehkah anda memberinya tempat tinggal yang baik ? Mendapatkan binatang kesayangan “untuk menjaga rumah” atau “kerana ianya comel” adalah alasan-alasan lemah yang mungkin menghasilkan seekor binatang kesayangan yang diabaikan, tidak dikehendaki.

JENIS ROVER ATAU KITTY ?

Apakah jenis binatang kesayangan yang anda lebih suka ?Siapakah yang akan menjaganya? Rumah jenis apakah yang anda tinggal ? Adakah keluarga anda menyokong keputusan anda ? Anda harus mengetahui sifat binatang tersebut dan berapa lamakah ianya boleh hidup.

Di Singapura, anjing, kucing, arnab, marmut, tikus hamster, tikus gerbil, tikus, sejenis tupai chinchilla, kura-kura telinga merah (kura-kura terrapin) dan berbagai jenis burung dan ikan dijual di kedai-kedai binatang kesayangan. Umur purata beberapa binatang-binatang adalah seperti berikut :

Anjing & Kucing	:	sehingga 20 tahun
Arnab	:	6 hingga 8 tahun
Marmut	:	4 hingga 8 tahun
Tikus Hamster	:	2 hingga 2 1/2 tahun
Tikus Gerbil	:	2 hingga 4 tahun
Tikus	:	1 1/2 hingga 2 tahun
Tupai Chinchilla	:	sehingga 18 tahun
Kura-kura terrapin	:	lebih lama dari 20 tahun

MEMILIH BINATANG KESAYANGAN YANG SIHAT

Cari tanda-tanda kesihatan yang baik seperti berikut :

- riang dan awas dan bergerak dengan selesa apabila berjaga; tenang apabila berehat
- berselera
- badan berisi dengan bulu/kulit badan yang sihat, penuh dan tidak mempunyai bau badan yang terlalu kuat
- mata yang bersih, terang dan jelas
- hidung, telinga dan mulut yang bersih

PANDUAN KEBAJIKAN BINATANG

Binatang memerlukan tempat berteduh, makanan dan air, kegiatan dan riadah biasa, dan penjagaan kesihatan untuk terus berada dalam keadaan baik.

TEMPAT BERTEDEUH (TEMPAT TINGGAL)

Tempat tinggal binatang kesayangan harus bersih, kering, berudara dan dilindungi daripada sinaran matahari, hujan dan angin kencang. Tempat tinggal binatang berkumpul tidak boleh terlalu banyak. Binatang kesayangan tidak seharusnya dikurung atau dibiarkan tanpa perhatian lebih dari 24 jam. Untuk kemudahan, tempat tinggal boleh kita golongan sebagai jarak-bebas, sebahagian berkurung dan berkurung sepenuhnya.

Tempat tinggal jarak-bebas (dimana binatang kesayangan mempunyai jalan masuk yang tidak tersekat kedalam rumah pemilik) adalah jenis tempat tinggal yang lebih disukai bagi anjing dan kucing. Berwaspada untuk melindungi binatang kesayangan daripada risiko seperti terjatuh, pokok-pokok beracun atau racun serangga.

Tempat tinggal sebahagian berkurung adalah dimana binatang kesayangan dikurung kurang dari 12 jam dalam masa 24-jam. Kurungan lengkap dengan kawasan bagi binatang kesayangan bergerak bebas (termasuk berdiri dan menyering), tidur dan makan harus disediakan. Lantai tidak licin harus disediakan untuk anjing.

Tempat tinggal berkurung sepenuhnya adalah dimana binatang kesayangan dikurung 12 jam atau lebih dalam masa 24-jam. Struktur yang dibina khas atau kawasan dimana tempat tidur, makan dan riadah harus disediakan. Binatang kesayangan itu harus mendapat sinaran matahari dengan sendirinya. Anjing harus disediakan dengan lantai yang tidak licin. Burung-burung kesayangan harus dapat mengembangkan sayap mereka dan terbang dalam jarak dekat.

Menambat (iaitu mengikat binatang kesayangan pada objek yang teguh) BUKAN menjadi tempat tinggal yang sesuai tetapi hanya untuk menahan binatang tersebut bagi jangka masa yang singkat. Binatang kesayangan harus mempunyai tempat perlindungan dan dapat bergerak dengan mudah tanpa bahaya tercekik.

MAKANAN DAN AIR

Sediakan makanan yang mempunyai nilai pemakanan yang baik. Berikan air minum yang bersih dan segar pada setiap masa. Jangan sekali-kali memberi makanan yang basi atau lebihan makanan yang diberi kepada babi.

KEGIATAN DAN RIADAH BIASA

Binatang memerlukan kegiatan dan riadah yang biasa. Mereka harus dapat bergerak bebas, membersihkan diri mereka dan melakukan fungsi-fungsi badan. Binatang kesayangan yang dipelihara dalam tempat tinggal sebahagian berkurung atau berkurung sepenuhnya harus dibawa keluar untuk beriadah tidak kurang dari 1/2 jam setiap kali.

PENJAGAAN KESIHATAN

Mencegah adalah lebih baik dari merawat oleh itu berikan binatang kesayangan anda suasana yang mempunyai minimum tekanan, makanan yang baik dan air minum yang secukupnya. Anjing dan kucing yang berbulu panjang,halus harus dibela setiap hari dan dari masa kemasa dihantar untuk dibersihkan secara profesional. Anjing atau kucing anda harus diberi suntikan melawan penyakit yang berjangkit dan jika perlu, dirawat bagi menghapus parasit dalam dan luar badan. Pergi ke klinik doktor haiwan yang biasa dikunjungi untuk mendapat nasihat tentang tindakan mencegah dalam penjagaan kesihatan. Ketahui rutin biasa, tabiat dan cara makan binatang kesayangan anda, kerana sebarang pelencongan daripada yang biasa mungkin menandakan sakit. Jika binatang kesayangan anda kelihatan pucat, anda harus perhatikannya selama 48 jam berikutnya. Jika tidak beransur pulih, anda harus membawanya berjumpa doktor haiwan anda. Jika sebaliknya binatang kesayangan anda memangnya sakit, berpenyakit atau luka, anda tidak seharusnya berlengah membawanya ke doktor haiwan anda.

ANJING

Anjing merupakan bintang kesayangan yang baik, yang boleh dijadikan teman dan juga boleh bekerja-bersama. Ianya selalu dianggap sebagai teman baik manusia kerana kesetiaan kepada pemilik nya yang begitu terkenal. Ini bermula dari nalurinya yang hidup berkumpulan yang berasal daripada keturunan serigala.

BAKA TULEN ATAU BAKA KACUKAN ?

Anjing-anjing baka tulen mempunyai ciri-ciri perangai, tabiat dan bentuk badan yang khusus bagi baka masing-masing. Pembiakan baka beraneka jenis dan pembiakan yang tidak berperikemanusiaan bagaimanapun telah menghasilkan keanehan sifat pada anjing-anjing berbaka tulen sejak lahir dan susuk tubuh yang lebih lemah. Banyak baka-baka yang disukai mempunyai bulu yang panjang yang memerlukan pembelaan setiap hari dan pembelaan secara profesional dari masa kesemasa. Anjing-anjing yang berbaka kacukan sebaliknya lebih tahan lasak, lebih mudah dijaga dan lebih mudah menyesuaikan diri.



JANTAN ATAU BETINA ?

Seekor anjing betina yang belum menjalani proses pemandulan menjadi hangat untuk mangawan sekali setiap 6 bulan dan boleh melahirkan sekumpulan anak-anak anjing yang tidak diingini. Pemandulan dapat mencegah kejadian ini. Anjing-anjing betina lebih manja dan bersifat mudah and lebih senang dijaga sementara anjing jantan adalah lebih kasar dan garang. Anjing jantan sering dibela untuk mengawal kawasan dan besar kemungkinan menggigit. Pemandulan membuat anjing-anjing jantan dan juga betina binatang kesayangan yang lebih baik (lihat bahagian mengenai pemandulan).

ANAK ANJING ATAU ANJING DEWASA? DARI MANA ?

Seekor anak anjing memerlukan perhatian dan penjagaan yang lebih tetapi lebih mudah dilatih dan berinteraksi sementara anjing dewasa sudah mempunyai tabiat tetap. Buat keputusan samada anda inginkan teman yang aktif serta suka bergurau senda, atau seekor yang diam dan mudah. Terdapat banyak anak-anak anjing/anjing dewasa yang menunggu tempat tinggal yang baik di SPCA. Anda juga boleh periksa dengan kawan-kawan, pembela anjing, kedai-kedai binatang kesayangan atau mengambil seekor binatang yang sesat.

MENJAGA ANJING KESAYANGAN ANDA

Apabila anak anjing mula-mula sampai ia harus dengan cepat dibiasakan dengan tempat tinggal barunya dan merasa yang ianya dimiliki. Ia harus dilatih mengenai peraturan-peraturan rumah yang harus dipersetujui oleh keluarga anda dan dipaksa tunduk dengan cara yang selari.

Interaksi kan anjing anda dengan keluarga, kawan-kawan dan binatang-binatang lain supaya ia boleh membesar dengan tabiat yang baik serta dapat menyesuaikan diri. Ia boleh diinteraksikan dengan kebanyakan bintang lain jika ia memahami yang mereka adalah dari satu keluarga. Adalah paling baik jika ianya diinteraksikan dari usia kecil. Ini harus dilakukan secara beransur-ansur dan dalam keadaan beristirihat.

Disiplin dan latihnya dengan baik. Latihan memerlukan banyak kesabaran daripada anda. Berikan ganjaran kepada anjing anda bagi setiap arahan yang dipatuhi dengan betul. Makanan atau perhatian adalah yang lazim digunakan sebagai ganjaran. Selalulah ulangi arahan bagi meneguhkan apa yang sudah dilatih. Hukuman bagi tabiat salah kadang-kadang juga diperlukan iaitu pada waktu berlakunya salah laku. Anda tidak perlu memukul anjing itu untuk menghukumnya. Marah dengan suara yang keras atau memegang tengkuk dengan cara teguh mungkin mencukupi. Hukuman tidak harus membahayakan anjing itu.



Anda juga boleh menghantar anjing anda ke latihan rasmi mematuhi perintah yang diadakan oleh seorang pelatih anjing profesional. Oleh kerana latihan tersebut memupuk hubungan antara pemilik-anjing, kedua-dua anda serta anjing anda mesti hadir di latihan bersama-sama. Berikutan latihan rasmi, anda harus meneguhkan latihan-latihan tersebut dengan mengulangi dari masa kesemasa riadah latihan dirumah.



Anjing anda harus dibenarkan laluan masuk yang tidak terbatas diseluruh kawasan rumah tetapi adalah baik untuk mempunyai satu kawasan dimana anda dapat mengurungnya bagi waktu-waktu bilamana ianya tidak boleh berkeliaran.

Anda boleh memberi makanan yang dimasak dirumah atau makanan komersil anjing kepada anjing anda. Jika anda memberinya makanan masak, ia harus seimbang dan pelbagai termasuk makanan bijiran, daging dan sayur-sayuran. Sisa makanan dari meja makan boleh diberi asalkan zat makanan dapat bertahan dan boleh dimakan oleh manusia. Jangan sesekali memberi makanan yang sudah basi atau makanan babi.

Makanan komersil anjing dirumus untuk menampung keperluan anjing. Ia mudah dan dapat disimpan. Makanan kering lebih disukai daripada makanan dalam tin kerana makanan kering mengandungi zat makanan yang lebih pekat (bagi berat makanan yang sama) dan anjing hanya akan makan apa yang diperlukan dan tidak lebih dari itu. Ini mengurangkan kegemukan. Makanan kering juga membantu kesihatan gigi serta mulut.

Anjing yang berbulu panjang dan halus harus diberus setiap hari untuk memastikan yang bulu-bulu tidak melekat. Bulu-bulu melekat terutama sekali sesudah mandi jika bulu yang basah tidak diberus dan dikeringkan dengan betul. Kuku haruslah diketip selalu untuk menegah ketumbuhan didalam. Ini selalu tidak perlu jika anjing mendapat riadah yang cukup pada tanah yang keras, dan kasar. Jika binatang kesayangan anda mempunyai bulu pendek, proses mandi yang teratur dengan shampoo anjing yang sesuai sudah mencukupi. Anda tidak perlu mandikan anjing anda lebih dari sekali seminggu.

Adalah diajukan bahawa anjing yang berbulu panjang dihantar ke pusat pembelaan profesional sekali setiap 3 bulan. Pembelaan profesional selalunya terdiri dari satu mandian (dan pencucian menghapus pijat jika perlu), mengosongkan pundi dubur, pembersihan telinga, memotong kuku dan pemetongan bulu yang sesuai.

Anjing anda harus diberi suntikan mencegah sejenis penyakit anjing, hepatitis, leptospirosis, batuk pondok anjing, selesema dan parvovirus semasa usia 6 minggu, 10 minggu dan 14 minggu (atau usia 8 minggu dan 12 minggu) dan sekali dalam setahun sesudah itu. Ia harus dihapuskan dari cacing seperti cacing gelang, cacing kerawit dan cacing pipih. Minta nasihat doktor haiwan anda.

BIODATA – ANJING

Masa hidup :	sehingga 20 tahun
Usia membiak :	dari 5 bulan
Masa hamil :	58 hingga 64 hari
Purata anak-anak:	2 hingga 6 ekor
Usia bercerai susu :	6 minggu
Usia membuka mata :	kira-kira 10 hingga 14 hari

PERATURAN ANJING

Semua anjing yang berusia melebihi 3 bulan mesti mempunyai lesen. Lesen-lesen boleh didapati dari Pusat Kebajikan dan Mengawal Binatang (CAWC) yang bertempat di 75 Pasir Panjang Road Singapura 118507. Permohonan juga boleh dibuat secara sendiri atau melalui surat atau faks. Lesen-lesen berlaku selama 1 tahun. Yuran semasa bagi anjing jantan dan anjing betina yang telah dimandulkan ialah \$14.00. Yuran bagi anjing yang tidak dimandulkan ialah \$70.00. Setiap permohonan dikenakan yuran satu kali sebanyak \$6.50.

Kawasan persendirian dibenarkan paling banyak 3 ekor anjing. Flat HDB dibenarkan 1 ekor anjing yang berbaka kecil atau kacukannya yang sudah dipersetujui. Kacukan haruslah 40cm atau kurang pada bahunya dan beratnya 10 kg atau kurang.

Semua anjing mesti ditambat apabila di kawasan umum. Tambahan lagi, jenis Pit Bull, Akita, Neapolitan Mastiff, Tosa dan kacukan-kacukan mereka, dan jenis Bull Mastiff, Bull Terrier, Doberman Pinscher, German Shepherd Dog (dan baka-baka yang berkaitan), Rottweiler dan Perro de Presa Canario harus juga di tambat pada muncungnya.

Pemilik tidak harus membenarkan binatang kesayangan mereka berlari kepada orang-orang, kenderaan atau basikal di kawasan umum atau menyebabkan luka kepada sesiapa. Mereka juga tidak boleh membenarkan binatang kesayangan mereka menjadi pengacau (seperti menyalak tanpa dikawal, berak ditempat umum, dll).

KUCING

Kucing mempunyai sifat bebas dan merupakan seekor binatang kesayangan yang baik bagi seseorang yang mempunyai cara hidup yang sibuk. Seperti anjing, kucing-kucing kacukan lebih tahan lasak dan lebih mudah dibela. Kucing jalanan setempat kita sangat sesuai dengan cuaca kita dan merupakan binatang kesayangan yang cemerlang.

MENJAGA KUCING KESAYANGAN ANDA

Seperti dengan anjing, anda harus membiasakan kucing anda dengan rumah anda dan mengajarnya berinteraksi dengan sempurna. Walaupun begitu, oleh kerana kucing bukanlah binatang berkumpulan dan adalah lebih bebas, ianya memerlukan usaha yang lebih dan kepandaian untuk melatih.

Berilah kucing anda makanan yang dimasak dirumah atau makanan komersil kucing. Bertentangan dengan kepercayaan umum, kucing memakan daging dan boleh makan apa jenis daging walaupun mereka lebih suka pada ikan. Ikan setempat yang sering diberikan kepada kucing – ikan kuning – boleh menjadi tidak sihat jika ianya merupakan satu-satu sahaja makanan yang diberikan. Ikan ini mengandungi asid lemak berparas tinggi yang tidak menyerap dan Vitamin E berparas rendah dan anti-oxidant yang lain apabila ianya terlalu masak. Memberi makan ikan kuning yang terlalu banyak boleh menyebabkan sakit lemak kuning, sesuatu penyakit yang kadang-kadang dikaitkan dengan masalah ginjal. Juga, ikan ini mempunyai satu tulang dibawah kibas insang yang berbentuk bintang 3-runcing. Ini mungkin tersekat pada tekak dan jika tidak dikeluarkan akan menyebabkan jangkitan yang serius dan kelaparan. Anesthesia selalunya diperlukan untuk mengeluarkan tulang tersebut.

Pelbagai makanan yang dimasak dirumah harus diberikan, terdiri dari bijirin seperti nasi, daging dan sayur-sayuran. Tetapi kucing merupakan pemakan yang cerewet dan sering akan memakan satu jenis makanan sahaja. Oleh itu, adalah penting untuk memberikan kucing anda makanan kering bagi memastikan yang ianya mendapat makanan seimbang termasuk Vitamin A dan taurine yang harus diberikan dalam makanan lazimnya. Kebanyakan jenama komersil dipasaran dapat diterima kerana dirumus khas untuk membekal kepada keperluan kucing. Makanan kering sekali lagi lebih disukai daripada makanan dalam tin. Jangan beri kucing anda makanan komersil yang dirumus untuk binatang lain.



Kebanyakan pemilik membiarkan kucing-kucing mereka berkeliaran bebas dalam kawasan rumah. Jika anda tinggal di flat yang tinggi, anda harus memasang besi pada tingkap dan balkoni untuk mencegah kucing anda terjatuh daripada bangunan. Jika besi tingkap bukanlah pilihan sesuai, jauhi dari menggantung barang-barang yang mungkin menarik perhatian binatang kesayangan anda (seperti loceng angin) pada atau dekat birai. Anda juga boleh membina birai yang lebih luas dan mengurung kucing anda apabila anda tidak ada dirumah.

Jika kucing anda suka meninggalkan kawasan rumah dan ini mengganggu jiran-jiran, anda mungkin perlu mengurung kucing anda dalam sangkar yang lebih besar. Pastikan yang sangkar anda cukup besar dan terdapat objek-objek yang kucing anda boleh bermain. Kucing banyak menghabiskan masa berehat dan tidur, oleh itu mengurungnya tidaklah merbahaya. Walaubagaimana pun kucing gemar memanjat oleh itu anda harus membuat sangkar bertingkat-tingkat. Bila anda berada dirumah, benarkan kucing anda keluar untuk berinteraksi dengan anda. Jangan biarkan kucing anda tanpa perhatian lebih daripada 24 jam.

Kucing yang sihat banyak menghabiskan masa memberus diri, oleh itu tidak perlu memandikannya. Namun begitu, kucing berbulu panjang perlu diberus setiap hari.



Kucing yang diambil dari tepi jalan atau dari satu suana berkumpul harus dimandikan dengan shampoo mencegah parasit untuk menghapuskan kutu dan bulu binatang atau hama telinga yang mungkin hadir. Untuk memandikan kucing anda, pegang dengan teguh kedua-dua tapak depan kucing dengan satu tangan. Gunakan air hangat dan jauhi telinga, mata dan lubang hidung kucing dari dimasuki air atau shampoo. Akan terdapat sedikit pergelutan dan kemungkinan goresan tetapi dengan banyak latihan, sesi-sesi ini boleh menjadi sesuatu yang menyenangkan. Sesetengah kucing-kucing mungkin memerlukan pemandian dan pembelaan profesional dari masa kesemasa. Jika ubat pelali diperlukan, pastikan yang ianya dilakukan oleh seorang doktor haiwan atau digunakan dibawah penyeliaannya. Jika ia mempunyai hama telinga, dapatkan ubat titisan telinga daripada doktor haiwan anda.

Pastikan kucing anda diberi suntikan mencegah selesema kucing dan bengkak usus pada usia 6 minggu, 10 minggu dan 14 minggu (atau usia 8 minggu dan 12 minggu), sesudah itu ia harus diberikan ubat pelonjak sekali dalam setahun. Cacing-cacing juga harus dihapuskan seperti cacing gelang, cacing kerawit dan cacing pipih. Minta nasihat doktor haiwan anda.

BIODATA – KUCING

Masa hidup :	sehingga 20 tahun
Usia membiak :	dari 4 bulan
Masa hamil :	58 hingga 64 hari
Purata anak-anak :	4 hingga 6 ekor
Usia bercerai susu :	6 minggu
Usia membuka mata :	kira-kira 10 hingga 14 hari

Binatang mamalia

Binatang mamalia yang kecil termasuk rodent seperti marmut, tikus hamster, tikus gerbil, tikus dan tupai chinchilla, dan arnab. Mereka kurang memerlukan perhatian dan lebih sesuai sebagai binatang kesayangan bagi orang-orang yang sibuk atau sesiapa yang hanya dapat membela binatang kesayangan untuk beberapa tahun sahaja. Lagipun, interaksi yang betul adalah penting dalam memastikan yang binatang kesayangan anda jinak dan boleh di kawal.

MENJAGA MAMALIA KECIL KESAYANGAN ANDA

Semua mamalia kecil yang biasa disimpan sebagai binatang kesayangan mengunyah dan menggerit, oleh itu sangkar mereka perlu direka atau diperbuat untuk menahan daripada dikunyah. Sangkar yang diperbuat daripada plastik keras dan besi atau wayar adalah yang terbaik.

Arnab dan marmut harus dikurung dalam sangkar yang mempunyai cukup ruang bagi riadah, makan dan tidur. Mereka juga boleh disimpan dalam pagaran yang terbuka diatas yang ditempatkan dilantai. Anda juga boleh menempatkan pagaran tersebut dalam taman tetapi pastikan yang binatang kesayangan anda mempunyai tempat berteduh dan perlindungan yang sempurna daripada binatang sesat.

Tikus hamster, tikus gerbil, tikus dan tupai chinchilla merupakan binatang memanjat dan harus disimpan dalam sangkar yang tinggi dan ditutup diatas. Harus terdapat ruang untuk riadah, makan dan tidur. Satu roda berlari atau barang riadah harus disediakan.

Selalu sediakan lapisan yang bersih secukupnya dalam bentuk jerami atau rumput kering, hirisan kayu, habuk kayu atau kertas yang disiat. Lapisan tersebut akan menyerap sisa basah dan membenarkan binatang membuat 'sarang' untuk keselamatan. Lapisan basah atau yang dikotori harus selalu dibuang. Jangan gunakan surakhabar yang disiat ditempat cetakan akhbar kerana ini mungkin mengandungi racun kepada binatang-binatang yang lebih kecil. Tupai chinchilla harus disediakan dengan air mandian habuk, yang menolong menghapuskan kelembapan dan minyak yang berlebihan yang terdapat pada bulu mereka dan membuat tupai chinchilla tersebut bersih.

Kebanyakan binatang mamalia kecil boleh dibela berpasangan atau dalam kumpulan kecil asalkan mereka mempunyai ruang yang cukup dan secocok. Pertelingkahan peribadi antara binatang-binatang individu tidak mungkin terjadi jika binatang-binatang tersebut telah dibela dari kecil.

Tupai chinchilla yang berbulu lebat dan subur membuatnya lebih sesuai dalam suasana dingin dan kering. Oleh itu alat hawadingin perlu disediakan dimana mungkin. Sekurang-kurangnya, kipas angin harus disediakan untuk mengedarkan udara. Bagaimanapun kipas itu harus diletakkan jauh dari sangkar atau dikenakan pada mod ayunan.

Gentel komersil mudah didapati untuk diberi makan kepada berbagai jenis mamalia kecil. Berikan gentel yang sesuai bagi binatang masing-masing. Binatang-binatang memakan tumbuhan dan harus disediakan dengan rumput kering(sebagai lapisan dan makanan), sayuran, kobis dan tanaman salad, lobak, epal dll. Buah-buahan kering dan buah kekeras juga menambah berbagai jenis makanan. Marmut memerlukan Vitamin C dalam makanan mereka. Oleh kerana Vitamin C dalam makanan komersil adalah mantap hanya untuk 3 bulan sahaja, penambahan harus dipertimbangkan jika tarikh pembikinan tidak diketahui.

Binatang-binatang ini mempunyai gigi yang tumbuh terus menerus dalam kehidupan mereka oleh itu anda harus menyediakan sebatang kapur (kalsium karbonat), tulang sotong atau kayu lembut untuk mereka kunyah supaya gigi kacip mereka tumbuh dengan begitu cepat. Gigi kacip yang terlalu besar boleh menyebabkan binatang kelaparan kerana ia tidak boleh makan. Dari masa kesemasa, gigi kacip mungkin perlu di rapikan oleh doktor haiwan anda.

Tikus hamster mempunyai dua kantung pipi untuk menyimpan dan mengangkut makanan. Periksa dari masa kesemasa yang ini tidak bertembung atau dijangkiti. Dapatkan nasihat doktor haiwan anda jika perlu.

Air minuman bersih dan segar boleh diberikan dalam mangkuk air yang berat yang tidak boleh diterbalikkan atau dalam tempat air komersil yang digantung dalam sangkar.

Pegang binatang kesayangan anda dengan berhati-hati kerana ianya lembut dan mudah luka. Tikus hamster dan tikus mungkin menggigit. Jangan mengangkat arnab kesayangan anda dengan telinganya tetapi dengan tengkuknya dan cepat-cepat menahan badannya dengan sebelah tangan. Dokongnya pada lengan anda dengan kepalanya di hujung lengan anda.



LETUSAN PEMBIAKAN

Tikus hamster, tikus gerbil dan tikus adalah produktif. Oleh itu sebaiknya mulakan dengan seekor binatang sahaja. Jika anda ingin membela dua ekor, pilih dua dari jantina yang sama. Bagi mengetahui jantina binatang baringkannya dengan perutnya keatas dan cari 2 'lubang'. Yang jantan lubang-lubangnya berjauhan sementara yang betina lubang-lubang tersebut rapat. Binatang kecil mungkin sukar untuk ditentukan jantinya. Pemilik kedai harus dapat membantu anda memilih; jika tidak, anda tidak seharusnya membeli daripadanya. Doktor haiwan anda juga dapat memastikan jantina binatang.

BIODATA

Masa hidup	Arnab Marmut Tikus Hamster Tikus gerbil Tikus Tupai chinchilla	6-8 tahun 4-8 tahun 2-2 1/2 tahun 2-4 tahun 1 1/2 - 2 tahun sehingga 18 tahun
Usia Membiak	Arnab Marmut Tikus Hamster Tikus Gerbil Tikus Tupai chinchilla	dari 4 bulan dari 1 bulan dari 6 minggu dari 10 minggu dari 6 minggu dari 8 bulan
Masa Hamil	Arnab Marmut Tikus Hamster Tikus Gerbil Tikus Tupai Chinchilla	30-33 hari 59-72 hari 15-21 hari 24-26 hari 19-21 hari 111 hari
Purata Saiz Anak Binatang	Arnab Marmut Tikus Hamster Tikus Gerbil Tikus Tupai Chinchilla	4-12 ekor 1 hingga 6 ekor 4-7 ekor 5 ekor 8-12 ekor selalunya 2 ekor
Usia Bercerai Susu	Arnab Marmut Tikus Hamster Tikus Gerbil Tikus Tupai Chinchilla	7-8 minggu 3 minggu 20-25 hari 21-24 hari 3-4 minggu 6-8 minggu

BURUNG



Burung terkenal kerana kecantikan, warna dan keupayaan mereka menyanyi dan meniru bunyi dan percakapan manusia. Ada yang mempunyai bakat menyanyi atau meniru yang luar biasa sekali yang menjadikan mereka sangat berharga. Tidak semua burung sesuai dijadikan binatang kesayangan. Seperti, burung kakak tua sangat bising dan menggigit; burung lorikeet ('lori' nama pendeknya) walaupun berwarna-warni dan cantik mengeluarkan tahi cair yang tidak menyenangkan kerana mereka makan makanan buah-buahan dan madu.

MEMBELA BURUNG KESAYANGAN ANDA

Burung yang bersosial dengan baik mudah dikawal dan diurus. Oleh kerana kebanyakan burung sekarang dibela dikebun mereka sudah biasa dengan manusia dan merupakan binatang kesayangan yang baik. Burung-burung yang dibela dari kecil sangat jinak dan rapat dengan pemilik mereka.

Sangkar mereka haruslah cukup besar untuk burung-burung itu berdiri dengan selesa, meregangkan kepak mereka dan terbang pada jarak yang dekat. Sangkar bersegi-empat tepat yang panjang lebih baik dari yang tinggi. Harus terdapat tempat hinggapan (dibuat dari kayu lembut atau dahan yang panjangnya sesuai) dan tempat-tempat makanan dan air. Kumpulan burung yang secocok boleh dibela dalam satu tempat pemeliharaan burung diluar rumah.

Bersihkan sangkar setiap hari sebaik-baiknya pada waktu tertentu dan dengan cara tertentu, kerana burung sukakan kebiasaan. Letakkan surat kabar pada dasar sangkar supaya mudah menghapuskan kotoran tahi. Basmikan kuman dalam sangkar setiap minggu. Ubat pembasmi kuman komersil seperti Dettol boleh digunakan tetapi pastikan ianya dicuci bersih dan sangkar dikeringkan dengan sempurna.

Sediakan makanan dan air dengan cara yang tetap dan selari. Sebaik-baiknya, berikan burung makanan sedikit pada waktu pagi dan sedikit lagi pada malam hari. Dengan cara ini burung selalunya lapar dan akan makan kebanyakan makanan yang anda tawarkan dan ia tidak akan menjadi cerewet. Pemberian makanan pada pagi dan malam hari menyerupai keadaan dalam hutan dan akan menghasilkan burung yang keseluruhannya lebih sihat. Pemakanan yang teratur selalu digunakan sebagai cara menjinakkan burung. Seekor burung yang tidak terlalu lapar akan datang kepada anda untuk mendapatkan makanan dan tidak lama sesudah itu belajar menghubungkan anda dengan kesukaan mendapat makanan.

Biasakan dengan cara pemakanan burung anda iaitu jenis dan jumlah makanan yang ia makan. Sebarang pelencongan dari ini mungkin merupakan tanda awal penyakit .

Punca utama masalah penyakit pada burung kesayangan adalah pemakanan tidak senonoh yang menyebabkan kekurangan zat makanan, kekurangan had makanan dan sering kematian. Pemakanan yang seimbang terdiri dari berbagai makanan harus diberi. Jika binatang kesayangan adalah pemakan biji-bijian, campuran bijian yang baik adalah bahan utama dalam keperluan keseluruhan pemakanannya. Belilah hasil-hasil yang bermutu sahaja yang mempunyai berbagai jenis bijian secukupnya. Burung kesayangan anda akan kurang berzat jika ia hanya sering memakan 1 atau 2 jenis biji-bijian.

Kebanyakan burung kesayangan 'mengupas' kulit biji-bijian sebelum memakannya, meninggalkan kulit diatas biji-bijian yang belum dimakan. Oleh itu, anda harus selalu mengalihkan kulit-kulit supaya burung kesayangan anda mudah dapatkan bijian yang belum dimakan disebelah bawah.

Pastikan yang biji-bijian yang anda berikan segar dan tidak berkulat. Kumbang dan teluranya, yang sering didapati dalam makanan, tidak merbahaya.

Buah, sayur dan tumbuhan hijau harus diberikan kepada binatang kesayangan anda setiap hari. Lazimnya binatang kesayangan anda akan memakan apa sahaja buah atau sayur yang anda makan. Pastikan anda mencuci makanan tersebut dengan sempurna. Buah yang sudah masak dan sayur tidak harus membentuk lebih dari 25% dari jumlah pemakanan binatang kesayangan anda.

Sediakan piring leper berisi air bersih bagi burung-burung bermandi-mandian. Rutin seharian ini adalah cara baik untuk mengetahui samada burung kesayangan anda sakit, kerana ia akan berhenti bermandi-mandian jika ianya tidak sihat.

Selain dari pemakanan yang tidak senonoh, satu lagi punca penyakit ialah tekanan. Burung-burung mudah berasa tertekan dengan orang-orang atau burung lain yang tidak dikenalnya. Oleh itu, jauhi dari membuat pertukaran dalam suasananya. Dimana pertukaran perlu anda harus membuatnya perlahan-lahan.



Jika anda membeli seekor burung yang baru untuk menambah berbagai jenis burung dalam tempat pemeliharaan burung anda, kuarantinkannya sekurang-kurang 2 minggu untuk memastikan yang ianya bebas dari penyakit.

BIODATA

BURUNG KAKAKTUA AUSTRALIA

Masa hidup	6 hingga 8 tahun; boleh mencapai 20 tahun
Saiz anak-anak burung	3 – 6 biji telur
Waktu eraman	kira-kira 18 hari
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	4-5 minggu

BURUNG KENARI

Masa hidup	6 – 9 tahun; boleh mencapai 20 tahun
Saiz anak-anak burung	3 – 6 biji telur
Waktu eraman	kira-kira 14 hari
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	16 hari

BURUNG CIAK

Masa hidup	5 – 8 tahun
Saiz anak-anak burung	3 – 7 biji telur
Waktu eraman	12 – 14 hari
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	2 – 3 minggu

BURUNG KAKAKTUA PARAKIT

Masa hidup	10 – 15 tahun
Saiz anak-anak burung	2 – 7 biji telur (parakit kecil) 2 – 4 biji telur (parakit besar)
Waktu eraman	18 – 21 hari (parakit kecil) 21 – 28 hari (parakit besar)
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	6 – 8 minggu

BURUNG COCKATIEL

Masa hidup	10 – 14 tahun; boleh mencapai 30 tahun
Saiz anak-anak burung	4 - 8 biji telur
Waktu eraman	18 – 20 har
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	5 minggu

BURUNG INDIAN HILL MYNAH

Masa hidup	sehingga 25 tahun
Saiz anak-anak burung	3 biji telur
Waktu eraman	14 hari
Anak-anak burung meninggalkan sarang pada usia	4 minggu


IKAN

Kebanyakan penggemar membela ikan air tawar tropika walaupun baru-baru ini ikan laut tropika menjadi terkenal dengan penjagaan tangki yang lebih mudah yang dihasilkan oleh pembaikan teknologi dalam sistem campuran garam dan penyaringan. Dalam buku kecil ini kami hanya menebar ikan air tawar tropika kerana membela ikan laut sering memerlukan bantuan daripada syarikat-syarikat profesional yang mahir dalam sistem akuarium laut.

Pada umumnya, ikan tidak sukar untuk dibela, Anda boleh membentuk sebuah akuarium dengan melabur dalam sebuah tangki yang baik, pam air dan sistem penyaringan. Bila memilih ikan, ingat bahawa setengah ikan tidak secocok dengan yang lain seperti ikan angelfish dan ikan cichlids adalah lebih garang terhadap ikan lain. Minta nasihat dari pemilik kedai.

MENJAGA IKAN KESAYANGAN ANDA

Pilih tangki sesuai dengan ruang anda dan jenis dan berapa ekor ikan yang ingin anda bela. Sebuah tangki berukuran 60 x 40 x 45 cm atau lebih besar lebih disukai daripada yang kecil kerana ia membenarkan margin yang lebih besar bagi kesilapan pengurusan. Jauhkan tangki dari sinaran matahari dan lindunginya dari hujan kerana sinaran matahari yang berlebihan akan menghasilkan tumbuhan rumpai dan air hujan yang berlebihan mungkin menyebabkan limpahan dan kehilangan ikan. Tempatkan tangki atas kaki yang cukup kuat untuk menampung beratnya. Tangki yang digambarkan seperti di atas akan menimbang lebih dari 68 kg.



Kebanyakan penggemar membela berbagai jenis ikan untuk lebih mewarnakan tangki tersebut. Pilih ikan yang secocok dan yang boleh hidup pada kedalaman yang berlainan supaya mereka tidak berlawan untuk mendapatkan ruang hidup. Gabungan yang baik adalah ikan jenis tetras, jenis barbs, jenis loaches dan jenis corydoras (catfish).

Adalah baik meletakkan sedikit kerikil pada dasar tangki untuk memberinya satu pandangan 'semulajadi' bagi tangki. Jumlah kerikil yang digunakan akan bergantung pada jenis sistem penyaringan yang ingin anda gunakan. Batu-batu kaku dan tumbuhan semula jadi juga menawarkan keselamatan pada ikan-ikan. Sebarang tambahan 'semulajadi' kedalam tangki harus direndam dahulu dalam bahan 2 ppm potassium permanganate selama 2 hingga 3 hari untuk menghapuskan sebarang organisma yang kemungkinan merbahaya. Barang-barang tambahan akuarium yang lain termasuk lampu tiruan, termostat atau 'jalur suhu', tumbuhan dan objek-objek tiruan.

Penyaringan mungkin dalam cara mekanikal, biologi atau kimia. Penyaring mekanikal secara fizikal menghapuskan bahan zarah dengan menapis melalui kapas penyaring; penyaring biologikal mempergunakan bakteria untuk memecahkan bahan pejal dan sisa yang boleh dihancurkan; penyaring kimia seperti karbon yang digiatkan menyerap bahan-bahan yang mungkin merbahaya. Penyaring dikelaskan sebagai kotak sudut, polyfoam, kotak luar, titisan atau kerikil dibawah. Penyaring tersebut dipadukan dengan pam air untuk mengedarkan air bagi penyaringan yang berkesan dan pada masa yang sama memperanginkan air. Kebanyakan penyaring dibina dengan beberapa darjah keupayaan penyaringan biologi dengan masa. Untuk mengembangkan ini, jangan menggosok bersih penyaring tetapi hanya bilas puing yang kasar. Penyaring yang bergantung pada tindakan bakteria (seperti penyaring kerikil dibawah) tidak harus ditutup kerana lendir bakteria yang keluar diatasnya memerlukan aliran air yang berterusan. Jika penyaring ditutup, lendir ini akan mati dan mencemar air apabila penyaring dibuka semula. Oleh itu, jika penyaring harus ditutup, anda harus memastikan yang ianya di gosok dan dibersihkan dengan sempurna.

Tangki harus diberi masa menetap sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum memasukkan ikan. Apabila memasukkan ikan, tempatkan beg yang mengandungi ikan tersebut kedalam tangki lebih kurang sejam bagi menyesuaikan ikan dengan suhu air dalam tangki.

Pertukaran air yang tetap sekali dalam dua minggu digalakkan. Setiap kali tidak lebih dari 1/3 daripada air ditukar. Pertukaran boleh dibuat setiap minggu dimana tidak lebih dari 1/10 dari air ditukar. Air paip harus di hapuskan klorin dengan membiarkannya selama 24 jam atau pun dengan menggunakan alat firma menghapus klorin (atau satu biji sodium thiosulphate bagi setiap gelen). Satu lagi pilihan, air hujan yang telah dikumpul dengan selamat tanpa pencemaran boleh digunakan.

Kualiti air adalah penting bagi kesihatan dan kesejahteraan ikan-ikan. Parameter air yang perlu diawasi secara tetap dan di selenggara dengan betul termasuk pH, kekerasan, bebas ammonia dan nitrite. Kelengkapan komersil mudah didapati untuk mengukur ini. PH yang lebih disukai adalah 6 hingga 8. Pada umumnya air keras lebih disukai. Air menjadi lebih keras dengan penyejatan dan harus ditambah dengan air lembut atau air yang disuling. Paras bebas ammonia yang berlebihan sebanyak 0.02 mg/litre bagi waktu yang panjang mungkin merbahaya; paras yang mencapai 0.1 mg/liter (seperti yang akan terjadi apabila lapisan penyaring tidak beroperasi dengan berkesan) adalah merbahaya walaupun untuk jangka yang pendek.



Makanan ikan komersil (dalam bentuk gentel, kepingan atau serpihan) mudah didapati dan disukai kerana mereka seimbang, selamat dan mudah.

Beberapa makanan hidup seperti daphnia(kutu air), artemia (udang kecil air masin), tubifex (cacing darah) dan cacing mealworm juga boleh diberikan untuk pelbagaikan dan untuk menggalakkan aktiviti. Walaupun begitu, berhati-hati kerana dengan sendirinya makanan 'asal' tersebut juga memperkenalkan parasit dan bahan-bahan lain yang tidak diinginkan .

Berikan makanan kepada ikan, bukan tangki. Ramai penggemar yang tidak berpengalaman memberi terlalu banyak makanan menyebabkan air dalam tangki menjadi busuk dengan sisa makanan. Berikan makanan supaya kesemua makanan habis dalam masa 2 minit.

Apabila menambah ikan baru kedalam tangki, ikut arahan kuarantin yang tegas bagi mencegah penyakit daripada dikenalkan kepada ikan-ikan yang sudah ada. Ikan baru harus dikuarantin dalam tangki kecil selama 2 hingga 3 minggu (jangan lupa menempatkan beberapa biji batu sebagai perlindungan dan gunakan busa atau penapis kotak).

Jika ikan anda sakit anda boleh membantu pengenalan penyakit dengan memperhatikan tabiat yang ganjil atau tidak lazim, pertukaran dalam warna atau rupanya, pertukaran dalam kekerapan serta corak pemakanan. Juga uji kualiti air bagi pH, kekerasan, bebas ammonia, paras nitrite. Anda harus meminta nasihat doktor haiwan yang berpengalaman dengan penyakit ikan, atau pergi mendapatkan nasihat dari kelab ikan .

KURA-KURA TERRAPIN

Kebanyakan penyu darat dan semua penyu laut merupakan golongan binatang yang dilindungi kerana kewujudan mereka membahayakan.. Kura-kura bertelinga merah adalah satu-satunya jenis kura-kura yang dibenarkan diimport dan dijual sebagai binatang kesayangan di Singapura.

MENJAGA KURA-KURA TERRAPIN KESAYANGAN ANDA

Kura-kura terrapin memerlukan tangki dimana ia boleh berenang dengan selesa dan dimana ada tempat yang kering baginya meninggalkan air untuk berehat dan mengeringkan dirinya. Kawasan kering tersebut mungkin sebiji batu besar yang licin atau sedikit pasir atau kerikil yang dipadatkan untuk menjadi pantai. Air dalam tangki harus dijaga bersih.

Kura-kura terrapin adalah binatang omnivor iaitu makanan asalnya terdiri dari kedua-dua binatang dan bahan tumbuhan. Yang kecil boleh diberi makan berjenis buah, sayuran, telur masak yang sejuk, sejenis ikan laut dan daging mentah yang telah dicincang halus. Taburkan dalam satu hidangan campuran vitamin dan tambahan mineral dengan banyak. Anda juga boleh memberi kiub-kiub kecil seekor ikan, makanan laut yang berkulit keras seperti ketam, udang, udang kecil dan siput.

Kura-kura terrapin yang dewasa boleh diberi makanan yang sama kecuali makanan boleh diberikan secara seluruh tanpa dicincang, atau ia boleh diberikan makanan gentel komersil. Kura-kura yang belum dewasa harus diberi makan setiap hari sementara kura-kura dewasa boleh diberi makanan setiap hari atau selang satu hari. Oleh kerana kura-kura selalu makan dalam air, air boleh menjadi kotor dengan sisa makanan dan tahi. Bagi mencegah ini, pemberian makanan harus dilakukan dalam tangki atau bekas yang berlainan. Sebagai satu peraturan, hanya berikan secukup makanan supaya ia nya boleh dihabiskan dalam masa 20 minit.

MASAALAH HAL MENINGGALKAN

Ramai orang membeli kura-kura terrapin tanpa pertimbangan serius. Sesudah beberapa waktu, ia menjadi satu tanggungjawab dan dengan mudah ditinggalkan dalam kolam dan waduk. Kura-kura terrapin kesayangan sudah biasa diberi makan dan dijaga dan

tidak boleh menyara hidupnya dalam kawasan terbiar. Banyak yang tidak dapat hidup.

Mereka yang terus hidup mengganggu ekosistem. Sekarang terdapat kolam-kolam

dimana kura-kura terrapin

telah menggantikan jenis asal seperti

Penyu Malayan Box . Oleh itu fikir baik-baik sebelum mendapatkan seekor kura-kura terrapin.



PEMANDULAN BINATANG KESAYANGAN

Pemandulan secara pembedahan binatang kesayangan adalah penting bagi mengelak pembiakan anak-anak binatang yang tidak dikehendaki. Prosedur ini biasanya dilakukan bagi anjing dan kucing dan kadangkadangkang arnab. Ovari dan sebahagian daripada rahim dalam badan binatang betina dipindahkan sementara zakar pada binatang jantan dipindahkan. Ini merupakan prosedur pembedahan yang rutin yang dilakukan oleh doktor haiwan sementara binatang tersebut diberi anaesthesia umum dan mempunyai risiko yang minimum. Binatang selalunya kembali kepada aktiviti biasa dalam masa 48 jam setelah sedar dari prosedur tersebut.

Anjing dan kucing yang sudah dimandulkan merupakan binatang kesayangan yang lebih baik dan lebih mudah dijaga. Binatang betina tidak lagi beringinan mengawan dan yang jantan bukan sahaja hilang keinginan berkeliaran dan mengawan, mereka juga mempunyai kurang desakan untuk menawan kawasan dengan air kencing dan 'menunggang objek-objek'.

Pemandulan secara pembedahan menjadikan binatang kesayangan lebih sihat. Yang betina tidak merasa tertekan dengan waktu-waktu mengawan dan tidak terbuka pada jangkitan rahim. Ia juga tidak kemungkinan mendapat kanser buah dada.

Pemandulan mempunyai kesan sampingan yang minimum. Ia tidak menukar tabiat atau kecerdikan kucing seperti mana yang dituntut oleh setengah orang. Walaupun begitu ia boleh menyebabkan binatang kesayangan menjadi kurang aktif. Oleh kerana itu berikan makanan yang kurang bagi mencegah kegemukan.

PERATURAN LAIN BERKAITAN DENGAN PEMILIKAN BINATANG KESAYANGAN

PENCEGAHAN KEZALIMAN PADA BINATANG

Pemilik harus memastikan yang mereka tidak membiarkan binatang kesayangan mereka dizalimi atau membenarkan kezaliman dilakukan keatas binatang kesayangan mereka. Kezaliman keatas binatang termasuk :

- dengan zalim memukul, menendang, melayan dengan kasar, menolak, memacu, membebaskan, menyeksa, meradangkan atau menakutkan binatang
- lalai menyediakan binatang dalam kurungan dengan makanan dan air secukupnya
- menyebabkan atau membenarkan kesakitan atau penyeksaan yang tidak perlu keatas binatang.

KEDAI BINATANG KESAYANGAN DAN PAMERAN BINATANG

Lesen diperlukan daripada AVA bagi membuka kedai binatang kesayangan atau mengadakan sebarang pameran binatang di Singapura.

MEMILIKI BINATANG JENIS LAIN

Binatang, burung atau telur tidak harus diambil dari hutan simpanan di Singapura.

Binatang-binatang liar (seperti monyet, ular) tidak dibenarkan dijadikan binatang kesayangan.

Binatang dan burung yang berdaftar dibawah CITES tidak boleh disimpan sebagai binatang kesayangan kecuali mereka diimpot secara sah dengan lesen daripada AVA.

IMPORT DAN EKSPORT

Mengimport atau mengekspor binatang kesayangan atau burung kedalam atau keluar dari Singapura memerlukan lesen dari AVA.

Anjing dan kucing diimport dari negara-negara selain dari Australia, New Zealand, United Kingdom dan Ireland perlu melalui kuarantin tidak kurang dari 30 hari.

Baka anjing seperti jenis Pit Bull, Akita, Neapolitan, Mastiff, Tosa dan kacukan yang lain tidak boleh di import.

APA-APA SOALAN ?

Bagi hal-hal yang berkaitan dengan kebajikan binatang, pemilikan binatang kesayangan, kedai binatang kesayangan dan pameran binatang, sila hubungi Pusat bagi Kebajikan Binatang & Kawalan (CAWC).

Agri-Food & Veterinary Authority
Centre for Animal Welfare & Control
75 Pasir Panjang Road
Singapore 118507
Tel: 6471 9987
Fax: 6473 3687
E-mail: ava_cawc@ava.gov.sg
<http://www.ava.gov.sg>

Bagi import, eksport atau hal-hal CITES, sila hubungi Import & Export Division (IED).

Agri-Food & Veterinary Authority
Import & Export Division
5 Maxwell Road #02-03
Tower Block MND Complex
Singapore 069110
Tel: 6227 0670
Fax: 6227 6305
E-mail (Import/Export): tan_yeow_fong@ava.gov.sg
E-mail (CITES): lye_fong_keng@ava.gov.sg
<http://www.ava.gov.sg>